

**KETERLIBATAN PELAJAR-PELAJAR LUAR KAMPUS
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA DALAM
MEMANGKIN AKTIVITI KEAGAMAAN DAN SOSIAL
BERSAMA MASYARAKAT SETEMPAT**

*The Involvement of Islamic Science University of Malaysia's
Out Campus Students in Perpetuating the Religious and Social
Activities within the Local Community*

Khairunneezam Mohd Noor^{1a}, Mohd Asri Husain^{2a}, Siti Suriani
Othman^{3a}, Amin Al Haadi Shafie^{4ab}, Mahazan Abdul Mutalib^{5a}

^aUniversiti Sains Islam Malaysia

^bAsean Centre for Research on Drug Abuse (ACREDA), USIM

Abstrak

Terdapat perbincangan sama ada secara ilmiah mahu pun tidak mengenai sumbangan dan peranan para pelajar universiti yang menetap di luar kampus terhadap masyarakat setempat di sekitar kampus. Untuk itu, Majlis Pengetua-pengetua Kolej Kediaman Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil inisiatif untuk melihat fenomena sebenar pandangan masyarakat sekitar kampus terhadap para pelajar USIM yang menetap di luar kampus berkenaan sumbangan dan keterlibatan mereka dengan masyarakat. Kajian ini memfokuskan kepada matlamat untuk menganalisis persepsi masyarakat setempat yang menetap di sekitar kampus USIM terhadap keterlibatan para pelajar USIM yang menetap di luar kampus dalam memangkin aktiviti keagamaan dan sosial bersama masyarakat setempat di luar kampus. Kajian kualitatif melalui kaedah non-probability sampling ini menggunakan temubual separa berstruktur

1 Pensyarah Kanan di Program Dakwah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, merangkap Pengerusi Majlis Pengetua Kolej Kediaman USIM. Beliau boleh dihubungi melalui email neezam@usim.edu.my.

2 Timbalan Pendaftar Kanan, STRACOMM USIM, merangkap Pengetua Pusat Perumahan Pelajar Luar Kampus.

3 Pensyarah Kanan di Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM.

4 Pensyarah Kanan di Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM.

5 Pensyarah Kanan di Program Dakwah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM.

dalam kalangan 30 individu yang menetap di sekitar kampus USIM dan berjiran dengan pelajar USIM. Dapatan temubual direkodkan dan diproses melalui analisis bertema (thematic analysis) menggunakan perisian NVivo. Hasil kajian mendapati majoriti responden bersetuju bahawa penglibatan pelajar USIM luar kampus dalam aktiviti keagamaan adalah berkesan. Sebaliknya, mereka kurang bersetuju bahawa penglibatan para pelajar USIM dalam aktiviti sosial bersama masyarakat setempat adalah aktif dan memuaskan. Beberapa isu dan tema perbincangan yang berkaitan dengan kedua-dua dapatan tersebut juga digagaskan oleh responden kajian ini sebagai ulasan lanjut. Kajian ini menggagaskan beberapa cadangan untuk lebih melestarikan hubungan dan keterlibatan para pelajar USIM luar kampus dalam pelaksanaan aktiviti bersama masyarakat setempat.

Kata kunci: Pelajar luar kampus, Aktiviti keagamaan, Aktiviti sosial

Abstract

A lot of intellectual discourses has been initiated on the realm of the contributions and roles of university students who live out of the campus, towards the community that they lived together. The Council of University Housing Principals of USIM had taken their initiative to look into the real views of the community who live nearby the university about the contributions and roles of university students who live out of the campus, specifically in the religious activities and social activities. A qualitative study through non-probability sampling method had been selected, where semi-structured interviews were done among 30 individuals who live together with USIM outcampus students. The findings show that majority of the respondents agreed that the contributions and roles of the outcampus students were high and effective in the religious activities but not in the social activities. Several arising issues and themes of discussion are discussed together with recommendations to uphold a better relationship between USIM's outcampus students and the community.

Keywords: Outcampus students, Religious activities, Social activities

PENDAHULUAN

Terdapat perbincangan sama ada secara ilmiah mahu pun tidak mengenai sumbangan dan peranan para pelajar universiti yang menetap di luar kampus terhadap masyarakat setempat di sekitar kampus (Norfadillah Derahim, Halimaton Saadiah Hashim dan Noraziah Ali, 2011). Untuk itu, Majlis Pengetua-pengetua Kolej Kediaman Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil inisiatif untuk melihat fenomena sebenar pandangan masyarakat sekitar kampus terhadap para pelajar USIM yang menetap di luar kampus berkenaan sumbangan dan keterlibatan mereka dengan masyarakat. Kajian ini memfokuskan kepada matlamat untuk menganalisis persepsi masyarakat setempat yang menetap di sekitar kampus USIM terhadap keterlibatan para pelajar USIM yang menetap di luar kampus dalam memangkin aktiviti keagamaan dan sosial bersama masyarakat setempat.

Kertas ini terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian pertama menelusuri isu pelajar luar kampus dan masyarakat serta perkembangan penubuhan Pejabat Pengurusan Pelajar Luar Kampus USIM dan persatuan pelajar luar kampus USIM. Dalam bahagian ini juga, dihuraikan perbincangan berdasarkan sorotan literatur mengenai hubungan antara pelajar luar kampus dan masyarakat setempat. Bahagian ketiga menerangkan metodologi yang digunakan dalam kajian. Bahagian keempat membincangkan dapatan kajian dan perbincangan. Disusuli dengan bahagian kelima iaitu implikasi daripada dapatan kajian, cadangan dan kesimpulan.

PELAJAR LUAR KAMPUS DAN MASYARAKAT

Sesebuah unit atau pusat tanggungjawab yang mentadbir kolej kediaman sesebuah universiti memainkan peranan utama untuk menyediakan tempat tinggal kepada para pelajar di universiti tersebut (Belkhodja, 2013). Begitupun, kolej kediaman dalam kampus mahu pun pentadbiran pelajar luar kampus turut berperanan dalam menganjurkan aktiviti yang bermanfaat bukan sahaja kepada para mahasiswa bahkan juga kepada masyarakat sekeliling. Para pelajar turut perlu mengambil peranan dalam melaksanakan aktiviti yang boleh mendekatkan universiti dengan masyarakat sekitar kampus, mencungkil nilai-nilai sosial dan memberikan kesan positif kepada

diri mereka sendiri dan masyarakat secara amnya (Ahmadi, Idrus, Malik, Murad, Ngajikin dan Esa, 2008).

Masyarakat di sekitar sesebuah universiti pasti dahagikan sumbangan dalam pelbagai bentuk daripada pihak universiti, termasuklah siswa/siswi yang tinggal di luar kampus atau istilahnya mengikut universiti-universiti berbeza seperti *non-resident*, pelajar luar kampus, *off-campus students*, dan seumpamanya adalah sebahagian daripada masyarakat luar yang tinggal di sekitar kawasan perumahan berhampiran kampus (Unit Pengurusan Non Resident UiTM, 2012). Imej mahasiswa luar kampus ini mencerminkan imej universiti secara amnya. Penampilan mahasiswa kepada masyarakat menjadi tontonan dan akan dinilai sama ada secara kolektif mahu pun secara individu oleh masyarakat setempat. Imej yang baik di samping prestasi dan graduan yang berkualiti adalah amat penting dari segi menjaga 'pasaran' untuk siswazah sesebuah universiti (Khairunneezam, Norailis, Siti Nubailah & Nurhafizah, 2014).

Pelajar-pelajar universiti terutamanya yang berada di luar kampus, kebiasaannya adalah yang menyewa bersama rakan-rakan seuniversiti dan tinggal jauh daripada kawalan ibu bapa dan keluarga. Maka, ruang untuk mereka terdedah kepada gejala-gejala sosial yang tidak terkawal adalah cukup besar (Utusan Malaysia, 26 Oktober, 2002). Contohnya, keterlibatan mereka dalam gejala hubungan seks bebas, penzinaan, vandalisme, penyalahgunaan dadah, dan sebagainya (Utusan Malaysia, 26 Oktober 2002), adalah seakan-akan menjadi bualan lazim dalam kalangan masyarakat yang menetap dalam kawasan kejiranan yang sama dengan mereka. Merujuk kepada berita-berita yang terpampang di dada-dada akhbar mengenai isu-isu yang agak negatif berkenaan pelajar universiti tempatan, didapati bahawa masyarakat sebenarnya sangat mengambil berat mengenai cara dan gaya hidup pelajar universiti ini kerana mereka merupakan salah satu entiti yang penting dalam struktur komuniti setempat (Utusan Malaysia, 18 Januari 2003).

Dalam masa yang sama, para pelajar luar kampus perlu akur dengan fakta bahawa mereka seumpama 'duta universiti' walau di mana pun mereka berada, hatta ketika berada di rumah sewaan mereka sekali pun. Justeru, andai baik keperibadian mereka di mata masyarakat,

maka baiklah tanggapan masyarakat terhadap institusi tempat mereka menuntut ilmu itu. Jika sebaliknya, maka masyarakat akan memandang serong terhadap kemurnian institusi menara gading yang berkaitan.

Melalui kajian yang dilaksanakan oleh Belkhodja (2013), didapati bahawa para pelajar yang mendiami kawasan kejiranan di sekitar universiti-universiti yang terlibat dalam kajian ini di Kanada memberikan impak yang pelbagai kepada perkembangan masyarakat sekitar. Antara dapatan kajian adalah berkenaan kesan silang budaya pelajar-pelajar luar kampus yang kebanyakannya adalah pelajar antarabangsa. Banyak budaya baik yang dibawa dari seluruh dunia diamalkan dan diterima oleh masyarakat setempat. Begitu pun, isu kebersihan yang tidak dijaga dengan baik dan isu kurang menghormati hak jiran sebelah-menyebelah dalam kalangan pelajar luar kampus ini, mendapat komen yang agak tinggi dalam kalangan responden kajian.

Norzanah Mat Nor, Zaiton Endot, Raja Razuan Raja Deris, Abdul Rahim Meerah (2008), telah melaksanakan satu kajian awal mengenai persepsi masyarakat terhadap pelajar IPTA/IPTS yang tinggal di luar kampus. Kajian kuantitatif ini dibuat dalam kalangan 107 responden yang merupakan ahli masyarakat yang berada berhampiran dengan kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kolej Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL), dan Universiti Selangor (UNISEL) yang terletak di Shah Alam, Selangor.

Antara fokus kajian Norzanah et al. (2008) ini adalah pertama, isu-isu sosial seperti penglibatan pelajar luar kampus dalam aktiviti sosial kejiranan, penekanan aspek kebersihan rumah dan persekitaran, pembuangan sampah, isu bising, vandalisme, masalah berpeleseran, dan budi bahasa. Kedua, kajian ini juga melihat kepada isu ekonomi berkaitan pelajar luar kampus seperti peningkatan perniagaan makanan, penyewaan rumah/apartmen, dan perniagaan berkaitan pembelajaran di universiti seperti kedai photostat, *cyber cafe*, kedai buku dan alatulis, dan seumpamanya. Ketiga, kajian ini turut melihat kepada pandangan masyarakat terhadap pelajar luar kampus dari aspek pendidikan, yang mana perbincangannya tertumpu kepada sumbangan pelajar luar kampus dalam aktiviti

kelas akademik atau tuisyen kepada anak-anak masyarakat setempat, bantuan program bahasa Inggeris, dan role-model budaya pendidikan kepada masyarakat.

Kajian Norzanah et al. (2008) ini dilihat sebagai penting untuk dilaksanakan dalam spektrum dan konteks hubungan antara USIM dan masyarakat sekitar kampus USIM ini. Bersempena dengan penubuhan Pejabat Pengurusan Pelajar Luar Kampus (3PLK) USIM dan *Out Campus Student Secretariat* (OCSS), kajian seumpama ini akan memberikan manfaat yang boleh dikongsi secara triparti, oleh masyarakat sekitar USIM, para pelajar luar kampus USIM dan USIM sendiri sebagai sebuah Universiti Awam.

PENUBUHAN 3PLK DAN OCSS USIM

Pejabat Pengurusan Pelajar Luar Kampus (3PLK), Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, ditubuhkan secara rasmi pada 1 Julai 2014. Seiring dengan tarikh itu, Pengetua Luar Kampus yang pertama telah dilantik mulai 1 Ogos 2014. Bagi membantu pengurusan pelajar luar kampus ini, sebuah Jawatankuasa yang dikenali sebagai Persatuan Pelajar Luar Kampus atau lebih dikenali sebagai *Out Campus Student Secretariat* (OCSS) telah ditubuhkan. Dengan penubuhan pejabat 3PLK dan OCSS ini, pihak pengurusan USIM melalui Pusat Perumahan Pelajar USIM mengharapkan agar isu-isu kebajikan, keselamatan dan pembangunan pelajar luar kampus dapat ditangani dan seterusnya diperbaiki secara berterusan.

Sehubungan dengan itu, bagi membantu melaksana usaha menjaga kebajikan, keselamatan dan pembangunan sahsiah pelajar, pihak 3PLK telah menyediakan Pelan Pembangunan Mahasiswa Luar Kampus sebagai garis panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan pelajar luar kampus di USIM ini. Pelan ini turut menggariskan keperluan untuk pelajar luar kampus bergiat aktif dan memberikan sumbangan kepada masyarakat setempat yang berkongsi kawasan kediaman bersama mereka dalam pelbagai aspek termasuk aspek pembangunan sosial, kerohanian dan keagamaan, keselamatan, pendidikan, dan sebagainya.

Bertitik tolak daripada penubuhan 3PLK dan OCSS USIM ini, beberapa persoalan difikirkan wajar untuk dihuraikan. Bertepatan dengan bidang pengajian para pelajar USIM yang bukan sahaja terfokus kepada cabang-cabang ilmu yang pelbagai seperti sains dan teknologi, perundangan dan syariah, Antaranya, bagaimanakah hubungan antara pelajar USIM yang menetap di luar kampus bersama masyarakat setempat? Apakah pandangan masyarakat setempat mengenai penglibatan pelajar luar kampus dalam aktiviti keagamaan? Apakah pula pandangan masyarakat berkenaan keterlibatan dan sumbangan pelajar luar kampus dalam aktiviti sosial bersama masyarakat setempat? Untuk itu, kajian ini digagaskan dan berpandukan kepada dua objektif utama kajian:

1. Menganalisis penglibatan pelajar luar kampus USIM dalam aktiviti keagamaan
2. Menganalisis penglibatan pelajar luar kampus USIM dalam aktiviti sosial.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan metodologi kajian kualitatif melalui *non-probability sampling* menggunakan temubual separa berstruktur dalam kalangan 30 individu yang menetap di sekitar kampus USIM di Nilai sahaja. Populasi kajian tidak melibatkan masyarakat setempat di USIM Kampus Pandan, Kampus Temerloh, dan lain-lain, atas dasar limitasi kajian yang memfokuskan populasi masyarakat setempat berhampiran kampus utama USIM. Temubual dilaksanakan dan direkodkan sepanjang bulan Ogos hingga pertengahan September 2015. Dapatkan temubual direkodkan dan diproses secara *transcribing* melalui analisis bertema (*thematic analysis*) menggunakan perisian Nvivo dan menghasilkan beberapa tema dan sub-tema dapatkan kajian berasaskan objektif yang telah ditetapkan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Kajian ini berjaya mendapatkan 30 orang responden temubual yang terdiri daripada individu yang menetap di sekitar kampus USIM dan individu-individu di institusi sosial, perbandaran dan keagamaan

yang mempunyai pengetahuan mengenai para pelajar luar kampus USIM. Profil responden kajian adalah seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Profil Responden

		Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	23	76.6
	Perempuan	7	23.3
Bangsa	Melayu	25	83.33
	India	3	10.0
	Cina	1	3.33
	Lain-lain	1	3.33
Umur	30 tahun ke bawah	2	6.66
	31-40 tahun	13	43.33
	41-50 tahun	11	36.66
	51-60 tahun	4	13.33
Berjiran dengan pelajar USIM?	Ya	24	80.0
	Tidak	6	20.0

Berdasarkan kepada Jadual 1, 23 responden (76.6%) adalah lelaki berbanding 7 orang (23.3%) merupakan responden perempuan. Bangsa Melayu adalah majoriti bangsa responden iaitu seramai 25 responden (83.33%), berbanding 3 responden berbangsa India (10%), dan masing-masing 1 responden (3.33%) berbangsa Cina dan Lain-lain bangsa. Taburan umur responden pula mencatatkan kumpulan umur 31 hingga 40 tahun sebagai kumpulan umur dominan ($f = 13$, 43.33%), diikuti 41-50 tahun ($f = 11$, 36.6%), 51-60 tahun ($f = 4$, 13.33%) dan 30 tahun ke bawah ($f = 2$, 6.66%). 24 orang responden (80.0%) menetap berjiran dengan pelajar-pelajar USIM, manakala 6 responden (20.0%) tidak berjiran dengan pelajar-pelajar USIM.

Persepsi Masyarakat Terhadap Penglibatan Aktiviti Pelajar Luar Kampus USIM

Selain daripada soalan-soalan berkenaan latar belakang demografi, setiap responden dalam temubual diusulkan dua soalan lain. Pertama,

adakah pelajar luar kampus USIM terlibat dalam aktiviti keagamaan? Keduanya, adakah pelajar luar kampus USIM terlibat dengan aktiviti sosial? Setiap responden diminta untuk menghuraikan jawapan ya atau tidak yang diberikan oleh mereka. Dapatan keseluruhan temuduga responden berkenaan penglibatan pelajar luar kampus USIM dalam aktiviti keagamaan dan aktiviti sosial adalah seperti dalam Jadual 2:

Jadual 2: Dapatan Temuduga Responden

Responden	Isu 1: Penglibatan Aktiviti Keagamaan		Isu 2: Penglibatan Aktiviti Sosial	
	Respon (Ya/ Tidak/ Tiada Respon)	Tema Respon	Respon (Ya/ Tidak/ Tiada Respon)	Tema Respon
1	Ya	Penyertaan di Surau/ Masjid	Ya	Keselamatan dan Rukun Tetangga
2	Ya	Urusan Kenduri/Doa Selamat	Tidak	-
3	Ya	Ceramah Agama/Dakwah	Tidak	Keselamatan dan Rukun Tetangga
4	Ya	Penyertaan di Surau/ Masjid	Tidak	Keselamatan dan Rukun Tetangga
5	Tidak	Penyertaan di Surau/ Masjid	Tidak	Keselamatan dan Rukun Tetangga

6	Tidak	-	Tidak	Keselamatan dan Rukun Tetangga
7	Ya	Penyertaan di Surau /Masjid	Tidak	Aktiviti Komuniti/ Gotong-royong
8	Ya	Penyertaan di Surau/ Masjid	Tidak	Aktiviti Komuniti/ Gotong-royong
9	Ya	1. Penyertaan di Surau/ Masjid 2. Urusan Kenduri/ Doa Selamat	Tidak	-
10	Ya	1. Penyertaan di Surau/ Masjid 2. Urusan Kenduri/ Doa Selamat 3. Urusan Fardhu Kifayah	Ya	Keselamatan dan Rukun Tetangga
11	Tiada Respon	1. Penyertaan di Surau/ Masjid 2. Ceramah Agama/ Dakwah	Tidak	Keselamatan dan Rukun Tetangga
12	Tiada Respon	-	Tidak	Aktiviti Komuniti/ Gotong-Royong
13	Tidak	Penyertaan di Surau/ Masjid	Ya	Keselamatan dan Rukun Tetangga

14	Ya	1. Penyertaan di Surau/ Masjid 2. Ceramah Agama/ Dakwah	Tidak	-
15	Tidak	-	Tidak	Aktiviti Komuniti/ Gotong-royong
16	Ya	Penyertaan di Surau/ Masjid	Tidak	Keselamatan dan Rukun Tetangga
17	Ya	Penyertaan di Surau/ Masjid	Ya	Keselamatan dan Rukun Tetangga
18	Ya	Ceramah Agama/Dakwah	Ya	Aktiviti Komuniti/ Gotong-royong
19	Ya	Ceramah Agama/Dakwah	Tidak	Keselamatan dan Rukun Tetangga
20	Ya	Ceramah Agama/Dakwah	Tidak	-
21	Ya	Penyertaan di Surau/ Masjid	Tiada Respon	-
22	Ya	Urusan Fardhu Kifayah	Tidak	1. Keselamatan dan Rukun Tetangga 2. Aktiviti Komuniti/ Gotong-royong
23	Ya	1. Urusan Fardhu Kifayah 2. Penyertaan di Surau/ Masjid	Tidak	Keselamatan dan Rukun Tetangga
24	Tiada Respon	-	Tidak	Keselamatan dan Rukun Tetangga

25	Tiada Respon	-	Tidak	Keselamatan dan Rukun Tetangga
26	Ya	Penyertaan di Surau/ Masjid	Ya	Pendidikan
27	Ya	Penyertaan di Surau/ Masjid	Tidak	Aktiviti Komuniti/ Gotong-royong
28	Tidak	-	Ya	Pendidikan
29	Tiada Respon	-	Tidak	Aktiviti Komuniti/ Gotong-royong
30	Ya	Penyertaan di Surau/ Masjid	Ya	1. Aktiviti Komuniti/ Gotong-royong 2. Pendidikan

Penglibatan pelajar dalam aktiviti keagamaan

Seramai 20 responden (66.67%) menyatakan persetujuan bahawa pelajar luar kampus USIM terlibat dalam aktiviti keagamaan bersama masyarakat sekitar kampus. Kemudian, masing-masing lima responden (16.67%) tidak bersetuju mengenai penglibatan aktiviti keagamaan dalam kalangan pelajar, dan lima responden (16.67%) tidak memberikan respon. Berdasarkan temubual bersama kesemua responden, tema dan isu huraian daripada persoalan ini terbahagi kepada empat tema seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Tema/Isu Huraian Penglibatan Aktiviti Keagamaan

Tema / Isu	Respon dengan Jawapan 'Ya'	Respon dengan Jawapan 'Tidak'
Penyertaan di Surau/ Masjid	14	2

Urusan Kenduri/Doa Selamat	3	0
Urusan Fardhu Kifayah	3	0
Ceramah Agama/ Dakwah	6	0

Penyertaan di Surau/Masjid

14 responden mengutarakan persetujuan bahawa para pelajar luar kampus USIM terlibat dan bergiat dengan aktiviti anjuran masjid dan surau. Para pelajar USIM ramai yang hadir ke masjid dan surau untuk bukan sahaja solat secara berjemaah, bahkan ada yang dilantik menjadi imam, bilal, ahli jawatankuasa kerja masjid, aktiviti Qiamullail dan sebagainya. Ia dibuktikan dengan huraian responden-responden 1, 4 dan 7 seperti berikut:

“Saya rasa bumi Nilai ni jadi sejuk dan tenang. Sebab, iyalah, tengok budak-budak USIM, depa (mereka)lah yang mengimarahkan masjid. Datanglah (waktu) Subuh ke, Isyak ke, mesti ramai budak-budak USIM tu penuhkan saf. Lepas tu tiap-tiap minggu, mesti budak-budak USIM ni yang gerakkan (mengusahakan) Qiamullail. Bagus macam tu” (Responden 1)

“Kalau tak percayalah kan, cuba tunggu masa semester universiti ni tutup (cuti semester untuk pelajar USIM), kan nampak kan lompong-lompong jemaah kat surau kita ni, tak macam biasa”. (Responden 4).
“Tempat saya (surau responden) memang kita selalunya imam ialah pelajar USIM. Diorang (mereka) ramai je yang hafaz Quran, ilmu agama pun tinggi. Baguslah untuk kita yang kerja ni, mana nak kejar urusan anak bini, mana nak urus perjalanan surau. Bagi pelajar-pelajar (USIM) tu bantu kita makmurkan surau.” (Responden 7).

Begitu pun, terdapat dua responden yang mengutarakan jawapan tidak bersetuju dalam isu penyertaan pelajar luar kampus USIM dengan aktiviti anjuran masjid dan surau. Mereka merasakan bahawa di kawasan kejiranan mereka, pelajar USIM tidak mengambil bahagian secara aktif dengan program anjuran surau mereka. Responden 5 dan Responden 13 memberikan justifikasi mereka seperti berikut:

“Taman perumahan saya ni tak ramai pelajar USIM, agaknya sebab jauh dari universiti. Saya memang tinggal sebelah aje rumah diorang (mereka). Tengok gaya, asyik memerap aje dalam rumah, padahal surau depan tu aje ha. *Husnuzhon* (bersangka baik) ajelah, tapi kena ingat jugak, awak tu pelajar USIM. Universiti Islam, pelajar kena nampak lebih Islam la gitu.” (Responden 5).

“Kawan-kawan saya yang duduk (menetap) di Taman Desa Anggerik dengan Acacia tu selalu cakap surau diorang (mereka) penuh malam-malam, budak-budak (para pelajar) USIM ramai. Seronok pulak dengar. Sini? Sekerat dua ajelah saya nampak budak-budak (para pelajar) USIM tu mari solat jemaah.” (Responden 13).

Urusan Kenduri/Doa Selamat

Terdapat tiga responden (Responden 2, 9, dan 10) yang menyatakan bahawa para pelajar luar kampus USIM banyak terlibat dalam urusan dan penganjuran kenduri dan doa selamat bersama masyarakat setempat. Respon terbaik yang menunjukkan persetujuan terhadap isu ini adalah seperti yang diberikan oleh Responden 10:

“Ya Allah, sekarang ni tak payah susah-susah nak tunggu-tunggu orang masjid ke, orang surau ke untuk *lead* (ketuai) majlis doa selamat, baca Yaasin, baca tahlil. Panggil aje budak-budak (pelajar) USIM ni, ramai yang boleh tolong. Kadang tu, kalau ada kenduri kahwin pun kan, budak-budak (pelajar) USIM yang duduk (menetap) sebelah-sebelah rumah ni, ramai aje yang *join* (ikut serta) merewang.” (Responden 10).

Urusan Fardhu Kifayah

Fardhu Kifayah membawa maksud suatu kewajipan apabila sebahagian orang melaksanakannya, maka kewajipan itu gugur bagi yang lainnya seperti berjihad, solat berjemaah, pakar dalam suatu bidang dan sebagainya. Ia terbahagi kepada beberapa bahagian seperti *kifayah dini*, *kifayah duniawi*, *kifayah syarat hakim* dan *kifayah tanpa syarat hakim*. Fardhu kifayah seperti yang disebutkan tidak diwajibkan kepada setiap individu, tetapi apabila dilaksanakan oleh sebahagian orang, ia dianggap sudah gugur kewajipan semua. Apabila tidak seorang pun yang melaksanakannya maka semua orang akan berdosa. Tiga responden (Responden 10, 22 dan 23)

mengatakan bahawa pelajar luar kampus USIM menggerakkan dan terlibat dengan urusan fardhu kifayah bersama masyarakat setempat. Antara urusan Fardhu Kifayah yang diuruskan oleh para pelajar luar kampus USIM seperti yang dinyatakan oleh responden adalah seperti urusan jenazah dan sumber untuk perbincangan ilmu al-Quran dan Hadis. Responden 22 mengutarakan pandangannya mengenai hal ini:

“Kita ni kadang bukan tahu pun satu-satu hadis tu sahih ataupun tidak. Kadang kala tu main sampaikan aje hadis tanpa rujuk ketulenan hadis. Bila ada staf dan pelajar USIM dekat-dekat sini, jadi jiran lagi. Ha, mudahlah kita nak rujuk..... Ada dua tiga orang pelajar USIM, saya rapat dah dengan diorang (mereka). Banyak kitab yang diorang (mereka) kongsi bagi kat saya, saya baca. Syukur, dapat elak dosa tak paham main taram (seberono) sebar hadis palsu.” (Responden 22).

Responden 23 turut menghujahkan persetujuannya berkenaan isu ini:

“Maaf cakaplah kalau saudara mara atau jiran meninggal, yang kita selalu ikut ialah masa solat jenazah dengan masa tanam (pengkebumian). Lain-lain? Serahlah kat imam masjid ke, atau orang-orang tua. Tak silap saya ada dua tiga kali dah kat taman perumahan ni ada berlaku kematian. Dok tengok-tengok (kaji), *laaa* budak-budak (pelajar) USIM buat semua. Eh, baguslah macam tu, sebab jenazah ni elok selesai segera. Tak payah nak tunggu lama-lama, selesaikan cepat.” (Responden 23).

Ceramah Agama/Dakwah

Satu lagi isu yang diutarakan adalah berkenaan ceramah agama dan aktiviti dakwah oleh pelajar luar kampus USIM. Enam responden (Responden 3, 11, 14, 18, 19, dan 20) bersetuju bahawa pelajar USIM banyak menggerakkan usaha-usaha dan penganjuran ceramah agama dan aktiviti dakwah sama ada dianjurkan sendiri atau pun membawa tokoh-tokoh agamawan terkenal menyampaikan ceramah. Responden 3 misalnya mengungkapkan pandangannya mengenai isu ini:

“Saya teruja, bahkan anak-anak saya sendiri pun suka bila ke surau. Boleh kata hari-hari lepas (Solat) Maghrib, ada pelajar USIM akan sampaikan ceramah dan kuliah pasal Fiqh, Sirah (sejarah Nabi), Ibadah, dan juga Tajwid. Saya *respect* (hormat) pelajar-pelajar ni sebab kalau ada yang tak dapat hadir bagi kuliah, mesti ada kawan dia yang datang ganti, dan cakap pun tetap sedap (menarik) macam kawan dia yang tak datang tu.” (Responden 3).

Responden 18 turut memberikan pendapat dengan nada yang sama dalam konteks usaha dakwah:

“Budak-budak (pelajar) USIM ni memang bagus berdakwah, pendekatan dia pun menarik. Selalu saya dapat *flyers* (nota hebahan) dalam tong pos tu, pasal dakwah, pasal tuhan, pasal kehidupan, pasal aurat.” (Responden 18).

Dapatan kajian berdasarkan tema dan isu yang diutarakan di atas berkenaan penglibatan pelajar luar kampus USIM dalam aktiviti keagamaan ini memberikan petunjuk jelas bahawa pelajar USIM mampu menggerakkan aktiviti keagamaan dalam masyarakat sekaligus menarik kepercayaan dan minat mereka terhadap para pelajar USIM yang menjadi salah satu ahli dalam sistem keajiranan mereka. Norzanah et al. (2008) menegaskan bahawa penerimaan masyarakat sebegini adalah sesuatu yang berharga yang perlu dipertahan agar keharmonian hidup berjiran antara pelajar USIM dan masyarakat setempat menjadi lebih kukuh.

Penglibatan pelajar dalam aktiviti sosial

Seramai 21 responden (70%) menyatakan bahawa mereka tidak setuju pelajar luar kampus USIM terlibat dalam aktiviti sosial bersama masyarakat sekitar kampus. Hanya lapan responden (26.7%) bersetuju mengenai penglibatan aktiviti sosial dalam kalangan pelajar luar kampus, dan satu responden (3.3%) tidak memberikan respon. Berdasarkan temubual bersama kesemua responden, tema dan isu huraian daripada persoalan ini terbahagi kepada tiga seperti Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Tema/Isu Huraian Penglibatan Aktiviti Sosial

Tema / Isu	Respon dengan Jawapan 'Ya'	Respon dengan Jawapan 'Tidak'
Keselamatan dan Rukun Tetangga	4	11
Aktiviti Komuniti/ Gotong-royong	2	7
Pendidikan	3	0

Keselamatan dan Rukun Tetangga

Menjadi satu lumrah kepada satu-satu kawasan kejiranan untuk membentuk sistem keselamatan secara komuniti dan rukun tetangga. Ini melibatkan aktiviti seperti sistem penggiliran kawalan keselamatan di waktu malam, sistem *watchdog* atau saling mengambil berat dan peduli hal keselamatan jiran tetangga, penyebaran maklumat keselamatan secara pantas dan sebagainya. Namun begitu, didapati bahawa 11 responden menyatakan rasa kurang berpuas hati dengan keterlibatan pelajar luar kampus USIM dalam isu ini berbanding empat responden yang setuju.

Antara komen yang diutarakan adalah seperti yang dikongsikan oleh Responden 5 dan Responden 11 :

“Sudahlah ke surau pun malas, nak jengok-jengok hal ehwal jiran sebelah menyebelah pun berat. Budak-budak (pelajar) USIM ni menyewa sini, kenalah bantu sekali jaga keselamatan jiran tetangga. Ambik tahu pasal jiran. Besok (nanti) kalau jadi apa-apa kat diorang (mereka), jiran jugak yang dia terpa nak minta tolong.” (Responden 5).

“Saya sebagai Jawatankuasa Rukun Tetangga di taman perumahan ni, memang arif tentang kurangnya keterlibatan pelajar dalam usaha kawalan keselamatan ni. Mungkin sebab diorang (pelajar USIM) ni fikir duduk kat sini (taman perumahan) menyewa, duduk sementara saja. Kadang karang balik kampung sebulan, dua bulan. Jadi cakna tu tak ada. Bukanlah takde langsung budak (pelajar) USIM yang bantu. Tapi yang ramai-ramai lain tu? Takkan tak nak hulur tangan.

Rumah diorang (mereka) pun kita tolong tengok-tengokkan apa?” (Responden 11).

Aktiviti Komuniti/Gotong-royong

Terdapat tujuh responden yang menyatakan bahawa pelajar luar kampus USIM tidak terlibat secara aktif dengan aktiviti komuniti dan gotong-royong. Dapatan ini menyokong dapatan kajian Norzanah et al. (2008) yang mendapati keterlibatan pelajar luar kampus adalah kurang atau lesu dalam aspek aktiviti komuniti dan gotong-royong. Responden 15 menerangkan tentang isu ini:

“Di taman perumahan saya ni, kalau sebaris rumah tu, boleh kata hampir separuh pelajar USIM yang sewa. Mereka ni ramai, tapi maaf saya katakan, hidup *silo*, nafsu-nafsu nafsi-nafsi (tidak peduli hal orang). Banyak kali kita anjur program gotong-royong bersihkan jalan, bersihkan longkang, tapi yang datang siapa? Penduduk asal taman ni ajelah, orang tua, kanak-kanak. Budak-budak USIM? (Responden 15).

Pun begitu, ada juga responden yang memberi respon bahawa pelajar luar kampus USIM ada melibatkan diri dengan aktiviti sosial bersama masyarakat sekeliling. Pendapat yang sama dikongsikan oleh Responden 22 yang membandingkan pengibatan pelajar dalam aktiviti keagamaan dengan aktiviti keselamatan dan gotong-royong: “Bab agama, budak-budak (pelajar USIM) memang *champion*. Tapi saya lihat, ini pandangan saya lah, dalam aktiviti sosial, aktiviti komuniti, *yillek!* (tiada). Orang-orang sini pun kalau borak-borak, ada jugalah yang cakap benda (isu) yang sama macam yang saya bagitahu ni. Kenapa ya? Mungkin sebab sibuk betul kena belajar, kena buat *assignment*, entahlah.” (Responden 22).

Pendidikan

Terdapat tiga responden (Responden 26, 28, dan 30) yang menyatakan bahawa pelajar luar kampus USIM terlibat dengan aktiviti sosial berasaskan pendidikan bersama masyarakat sekitar. Antara aktiviti pendidikan yang dibuat oleh pelajar USIM adalah seperti kelas tuisyen subjek-subjek tertentu seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Matematik dan Pendidikan Agama Islam untuk anak-anak

kejiranan yang masih bersekolah, kelas mengaji al-Quran, kuliah fardhu ain, dan sebagainya. Dapatan kajian ini tidak menyokong kajian yang dibuat oleh Norzanah et al. (2008) yang menemukan respon yang negatif mengenai sumbangan pelajar luar kampus kepada pembangunan nilai pendidikan dalam kalangan masyarakat setempat.

RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN

Secara perbandingannya, didapati bahawa masyarakat setempat yang hidup berjiran dengan para pelajar luar kampus USIM memberikan pandangan yang sangat berbeza di antara keterlibatan pelajar USIM dalam aktiviti keagamaan dan keterlibatan mereka dalam aktiviti sosial. Didapati bahawa majoriti responden temuduga bersetuju bahawa pelajar luar kampus USIM menyumbang dan terlibat secara aktif dalam aktiviti keagamaan dan sebaliknya majoriti tidak bersetuju bahawa pelajar luar kampus USIM terlibat secara aktif dengan aktiviti sosial bersama masyarakat setempat. Beberapa isu dan tema dihuraikan secara mendalam oleh kebanyakan responden berkenaan keterlibatan pelajar USIM dalam aktiviti keagamaan dan sosial dalam mendokong persepsi mereka. Untuk itu, adalah dicadangkan agar pihak 3PLK USIM dibantu oleh persatuan pelajar luar kampus OCSS USIM yang merupakan payung kepada perangkaan dan penjanaan aktiviti pelajar luar kampus di USIM untuk mengemblem lebih banyak idea dan usaha dalam mendekatkan lagi hubungan antara pelajar USIM dan masyarakat setempat demi kebaikan kedua-dua pihak.

Berikut adalah beberapa gagasan idea yang boleh dipertimbangkan oleh pihak 3PLK USIM dan pengkaji pada masa hadapan:

- a. Mewujudkan hubungan formal antara persatuan penduduk taman perumahan dengan pihak USIM dan diurusetikan oleh 3PLK sendiri. Dengan itu, kesemua pihak dapat duduk semeja bertemu empat mata membincangkan isu-isu pelajar luar kampus secara lebih serius, sistematik dan efektif.
- b. Mewujudkan takwim aktiviti pelajar luar kampus bersama-sama masyarakat setempat secara tahunan yang seimbang antara aktiviti keagamaan dan sosial.

- c. Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang melibatkan persepsi dan hujahan masyarakat setempat dalam skala yang kecil. Namun, ia mungkin boleh menjadi satu kajian rintis kepada kajian yang berskala lebih besar mencakupi kawasan-kawasan kejiranan lain yang berkemungkinan ada pelajar USIM menetap di situ.
- d. Pihak 3PLK boleh menggunakan kaedah statistik kuantitatif dan penghuraian data secara deskriptif dan inferensi. Ini boleh melibatkan lebih ramai ahli masyarakat untuk menyertai kajian dan memberikan mereka peluang berkongsi maklum balas yang lebih makro dan dikaitkan dengan pembolehubah-pembolehubah lain dalam konteks kehidupan bersosial.
- e. Responden kajian pada masa akan datang diambil dalam kalangan pelajar luar kampus USIM sendiri demi melihat penilaian mereka terhadap penglibatan mereka sendiri dalam aktiviti keagamaan dan sosial bersama masyarakat setempat.

BIBLIOGRAFI

- Ahmadi, A., Idrus, S.M., Malik, N.A., Murad, N.A., Ngajikin, N.H. dan Esa, M.R.M (2006), Pengaruh Gaya Hidup Pelajar Kejuruteraan di Kolej Kediaman UTM Terhadap Pencapaian Akademik, OAI.
- Belkhodja, C. (2013), *Improving the Assessment of International Students' Contribution to Canadian Society, Knowledge Synthesis*, Canada: Université de Moncton and Victoria Esses, Western University Pathways to Prosperity Partnership.
- Jamaluddin Lantara, Ungku Ahya Ungku Mohamad, dan Mustafa Kamal Surif. 2009. Cabaran dikalangan pelajar luar kampus Politeknik Kuching Sarawak: satu tinjauan. Seminar Cabaran Pendidikan di Politeknik.Kuching.1– 11.
- Khairunneezam, M.N., Norailis, A.W., Siti Nubailah, M.Y. dan Nurhafizah, M.S. (2014), 'Persepsi Pelajar Mengenai Pembentukan Nilai Kepimpinan Melalui Penglibatan Sebagai JAKSA di Kolej Kediaman: Kajian Kualitatif di Universiti Sains Islam Malaysia', Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan, Kuching, Sarawak.

- Maria Chong Abdullah, Habibah Elias, Rahil Mahyuddin, dan Jegak Uli (2006). Masalah Penyesuaian: Punca Pelajar Gagal Menyempurnakan Pengajian di Universiti. National Student Development Conference (NASDEC) 2006. 1–8.
- Norfadillah Derahim, Halimatun Saadiah Hashim & Noraziah Ali (2011), Tahap Kelestarian Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia Ke Arah Kampus Lestari, *Jurnal Personalia Pelajar*, Bil 14 : 1- 10.
- Norzanah Mat Nor, Zaiton Endot, Raja Razuan Raja Deris, Abdul Rahim (2008).”Persepsi Masyarakat Terhadap Pelajar Ipta/Ipts Yang Tinggal Di Luar Kampus: Satu Kajian Awal Di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan” , Prosiding Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan anjuran SPACE, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sayuti, Rusimah and Abdullah, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee and Ishak, Salma (2004). Kajian hubungan kaum di kalangan pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.
- Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus (t.t), ‘Booklet Panduan Pelajar Luar Kampus’, Bahagian Hal Ehwal Pelajar: Universiti Malaya.
- Unit Pengurusan Non Resident UiTM (2012), ‘Buku Panduan Pelajar Non Resident’, Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Utusan Malaysia (2002), Dadah- UTM Sukar Kawal Pelajar Luar Kampus, Kuala Lumpur: Utusan Malaysia. (26 Oktober 2002).
- Utusan Malaysia (2003), Gejala Sosial- Sukar Kawal Pelajar Luar Kampus, Kuala Lumpur: Utusan Malaysia (18 Januari 2003).

